

Pemuda UMNO WP, AADK bekerjasama banteras dadah

Oleh SYED MOHD. RIDZUWAN
SYED ISMAIL

KUALA LUMPUR 8 OKT. - JEN-tera, Pergerakan Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan (WP) akan meneruskan usaha membanteras bahaya najis dadah bagi merealisasikan hasrat kerajaan mewujudkan negara bebas dadah 2015.

Ketuanya, Datuk Paduka Mohamad Norza Zakaria berkata, pada masa yang sama maklumat akan disalurkan kepada orang ramai bagi menyedarkan mereka betapa bahayanya gejala itu terhadap diri, masyarakat, keluarga dan negara.

Beliau yang juga Ahli Majlis Tertinggi parti berkata, bagi mencapai hasrat itu, Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan menjalin kerjasama dengan pelbagai pertubuhan termasuk Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) bagi menangani masalah itu dari masa ke semasa.

"Walaupun kajian AADK menunjukkan terdapat penurunan statistik sebanyak 10 peratus pada enam bulan pertama tahun ini berbanding jangka masa yang sama tahun lalu, tetapi ini tidak semestinya menandakan masalah itu tidak serius.

"Usaha ini akan diteruskan walaupun umat Islam sedang menyambut Ramadan

dan Syawal yang bakal menjelma," katanya selepas Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Sumbangan Anak Yatim dan Warga Emas di Masjid Sallahuddin Al-Ayyubi, Taman Melati di sini hari ini.

Sebelum itu, kira-kira 200 anak yatim dari Rumah Anak Yatim Nur Iman, Setapak dan warga emas sekitar Wangsa Maju menerima sumbangan.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengarah AADK Kuala Lumpur, Tuan Mohd Azemin Tuan Draman.

Mohamad Norza berkata, kesan penagihan dadah terutama dadah moden seperti *Amphetamine Type Stimulant* (ATS) sangat bahaya sehingga boleh menjadikan seseorang itu hilang pertimbangan.

"Sebab itu terjadi kes menyedihkan sehingga ada penagih sanggup membunuh saudara mara.

"Oleh itu, melalui kerjasama dengan AADK usaha akan ditumpukan kepada pemulihan penagih terutama penagih tegar," ujarnya.

MOHAMAD Norza Zakaria (dua dari kanan) menyampaikah sumbangan hari raya kepda anak yatim dan warga emas di Masjid Sallahuddin Al-Ayyubi di Taman Melati, Kuala Lumpur, semalam.